

**Titah**

**Di Majlis Hari Ulang Tahun  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-46 Tahun  
Pada 14 Jamadilawal 1428/31 Mei 2007**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim**

Alhamdulillah Rabbil `Alameen, Wabihee Nasta'eenu `Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalatu Wassalaamu `Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Tidak ada yang lebih agung dari merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengizinkan kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk meraikan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Bruinei yang ke-46 tahun.

Sambil kita menikmati keamanan, kita juga perlu peka dengan kejadian-kejadian yang sering berlaku di sekeliling kita, Kejadian –kejadian itu setengahnya tidak sunyi dari turut mengancam keamanan sejagat.

Ancaman yang dimaksudkan adalah dalam bentuk yang berbagai-bagai. Ada yang berupa penggunaan peralatan-peralatan canggih untuk mengacau-bilaukan keadaan dan tidak kurang juga ancaman dalam bentuk saikologi melalui bermacam-macam tindakan atau perbuatan yang tidak diingini.

Semua ini, tidak boleh tidak, semestinya dihadapi. Kita perlu menanganinya sebagai pencegahan.

Supaya pencegahan itu lebih berkesan, memerlukan kita mempunyai keazaman diri dan kekuatan, Tanpa keazaman dan kekuatan hanya akan menjadikan kita jauh tertinggal.

Dalam benutk apakah kekuatan itu diperlukan? Sudah barang tentu kekuatan dalaman dan juga kekuatan fizikal. Ia meliputi semangat juang yang tinggi, kesabaran dan keberanian, di samping peralatan-peralatan canggih untuk pertahanan.

Ini menepati inisiatif Kementerian Pertahanan mengadakan Pameran dan Forum Pertahanan Antarabangsa yang disempenakan dengan memyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini.

Acara yang disusun akan mendatangkan banyak manfaat kepada masyarakat, berupa pengetahuan dan pendidikan mengenai bentuk-bentuk ancaman dan teknologi terkini yang ada hubungan dengan pertahanan dan keselamatan dari pelbagai perspektif.

Ia juga dhasratkan sebagai asas kearah pencapaian perancangan industri pertahanan tempatan yang merupakan salah satu aspirasi yang mahu dijayakan melalui pengemaskinian Kertas Putih Pertahanan Tahun 2007.

Beta melihat, alangkah baiknya jika kegiatan-kegiatan pertahanan itu juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara dan juga membukakan peluang-peluang baru bagi rakyat.

Sehubungan itu dengan kewujudan pelbagai peralatan canggih pertahanan, beta inginlah mengingatkan supaya Kementerian Pertahanan lebih bijaksana dalam menilai keutamaan-keutamaan yang diperlukan, selaras dengan perkembangan semasa serta penilaian ancaman atau threats assessment terhadap Negara.

Demikian juga dalam pemilihan kelengkapan dan proses perolehan, ianya hendaklah dipastikan supaya benar-benar tepat dan lancer serta bersih dari sebarang elemen kepentingan diri dimana untuk itu, ianya memerlukan penyelidikan mendalam dan pengurusan cekap yang sistematik.

Dalam hubungan ini, pada hemat beta, peningkatan taraf Unit Perkembangan Keupayaan Tentera kepada sebuah jabatanarah adalah merupakan satu lagi usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan integriti kepada system perolehan yang ada,

Dalam pada itu, di tengah-tengah keghairahan penguasaan teknologi tinggi, kita jangan sekali-kali lupa, bahawa biar macam mana sekalipun canggihnya teknologi itu, namun semua itu tidak akan mampu untuk menggantikan fungsi kepimpinan di dalam organisasi. Kepimpinan akan terus diperlukan selaku tunggak utama untuk menentukan baik buruknya perjalan sesebuah organisasi.

Oleh itu, beta berharap, usaha meningkatkan kualiti kepimpinan tidak akan diabaikan, meliputi bukan sahaja factor pengetahuan pengurusan kerja,

malahan juga lebih utama ialah penyerapan nilai-nilai luhur seseorang pemimpin di kalangan anggota.

Beta mengambil maklum mengenai beberapa usaha ke arah peningkatan kapasiti anggota dari segi pemikiran dan kerohanian melalui program-program akademik dan penubuhan Jabatan Agama Tentera.

Demikian juga beta menyambut baik perancangan Kementerian Pertahanan untuk menubuhkan Performance Optimisation Centre yang akan merangkumi disiplin Sports Science dan Sport Medicine sebagai pendekatan bagi penjagaan dan peningkatan keupayaan anggota.

Akhir kata, beta ingin mengucapkan selamat meyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 46 kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sama ada yang masih berkhidmat mahuapun yang telah bersara serta keluarga masing-masing dan juga kepada kakitangan Kementerian Pertahanan yang turut sama menyumbang kepada pertahanan Negara selama ini. Marilah kita sama-sama berdoa agar Negara kita akan sentiasa aman sejahtera dan berada di bawah perlindungan Allah Subhannahu Wata'ala Amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahahi Wabarakatuh